

12 SEP 1999

APEC-DEKLARASI

REFORMASI KERANGKA KEWANGAN DIMASUKKAN DI DALAM DEKLARASI APEC

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

AUCKLAND, 12 Sept (Bernama) -- Deklarasi Auckland oleh pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) akan menangani perhatian berat Malaysia untuk mereformasikan kerangka kewangan antarabangsa, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini.

Katanya para pemimpin yang bertemu buat pertama kali di sini bersetuju untuk mendraf deklarasi yang akan dikeluarkan selepas sidang kemuncak esok berikrar mereformasikan pasaran kewangan bagi menangkis krisis di masa akan datang di rantau ini.

"Apa yang terkandung dalam deklarasi itu ada juga adalah perkara-perkara yang telah pun dapat memenuhi apa yang menjadi keprihatinan kepada kita," kata beliau dalam satu sidang akhbar kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Berliu berkata: "Umumnya, kita bolehlah menganggap bahawa deklarasi pemimpin-pemimpin Apec itu tidak mengenenpikan apa yang menjadi harapan Malaysia."

Abdullah dan pemimpin-pemimpin Apec telah bertemu buat pertama kali pada sebelah petang hari ini untuk meneliti draf deklarasi itu and seterusnya mengadakan dialog dengan Majlis Penasihat Perniagaan (Abac) Apec.

Ketika melahirkan perasaan puas hati bahawa isu itu akan menjadi bahan perbincangan antara pemimpin Apec, Abdullah berkata "pengawalan sistem kewangan antarabangsa perlu diberi perhatian untuk diperkukuhkannya lagi dan melindungi ekonomi kita dari ancaman spekulator matawang."

Beliau berkata kata sepakat pemimpin-pemimpin itu adalah satu penyokongan gesaan Malaysia untuk membendung kegiatan spekulatif yang menjejaskan ekonomi-ekonomi membangun.

Menurut draf tersebut, para pemimpin memperakui tugas menteri-menteri kewangan Apec di Langkawi Mei lalu di mana mereka menggalakkannya untuk memperkukuhkan lagi pasaran kewangan serantau dan memperolehi jaminan bahawa modal akan mengalir semula ke rantau itu.

Ini boleh dilaksanakan dengan mempertingkatkan lagi pengawalan pasaran kewangan, termasuk menerusi latihan para penyelia dan pengawal selia serta membangunkan pasaran bon dalam negeri di rantau ini.

Sebagai tanda betapa pentingnya langkah-langkah mengelak krisis matawang, beliau berkata Abac juga melahirkan hasrat perlunya memperkukuhkan sistem kewangan antarabangsa dan tidak dibiar dalam keadaan terumbang ambing.

Beliau juga menyambut baik ulasan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton di sidang kemuncak ketua pegawai eksekutif yang diadakan sebelum ini bahawa adalah menjadi satu kesilapan jika kerangka kewangan tidak diubah.

Clinton juga telah berkata bahawa usaha seharusnya mencapai kemajuan mengenai mekanisme seperti menerusi Forum Penstabilan Kewangan agar perubahan dapat diadakan untuk menstabilkan sistem kewangan.

Abdullah berkata terdapat perubahan ketara dalam ulasan Clinton mengenai perkara itu, di mana sebelum ini beliau belum pernah membuat pendirian seumpama itu.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata beliau berharap lebih ramai lagi pemimpin negara-negara maju akan membincangkan perkara itu.

Beliau juga berkata Malaysia sudahpun terbabit dalam usaha ke arah

merubah sistem kewangan global menerusi Forum Penstabilan Kewangan, di mana Malaysia diwakili dalam kumpulan kerja Pangaliran Modal melalui Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz.

Dua lagi kumpulan kerja adalah mengenai tabung pelaburan yang diperolehi dari pinjaman banyak dan pusat luar pesisir.

Abdullah, yang juga menghadiri jamuan makan tengah hari sambil berbincang dengan pemimpin-pemimpin Asean berkata Sultan Hassanal Bolkiah telah memberitahu gagasan itu tentang persediaan Brunei untuk mesyuarat peringkat menteri ke 12 dan sidang kemuncak Apek ke lapan tahun depan.

Mesyuarat peringkat menteri akan diadakan pada 12-13 November dan sidang kemuncak itu pula pada 15-16 November.

Esok, Abdullah yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan, Kewangan dan Industri Indonesia Ginandjar Kartasasmita, yang mewakili Presiden BJ Habibie, akan menyertai 19 pemimpin Apec di pusat perangan di Auckland Museum.

-- BERNAMA

MR MA